



CIMB Bank Berhad
(197201001799 (13491-P))



CIMB Islamic Bank Berhad
(200401032872 (671380-H))

A. Soalan Lazim untuk Peringatan Pelepasan Cukai

- Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar “Peringatan Pelepasan Cukai” setelah saya mendaftar Kad Debit atau Kad Kredit/-i CIMB?**

Anda tidak perlu mendaftar untuk “Peringatan Pelepasan Cukai”. Anda layak untuk menerima “Peringatan Pelepasan Cukai” secara automatik sekiranya anda melakukan transaksi pelepasan cukai yang layak (jumlah belanja minimum yang terkumpul RM50.00 dan ke atas) dengan Kad Debit CIMB atau Kad Kredit/-i CIMB anda.

- Bagaimana saya akan menerima “Peringatan Pelepasan Cukai” ini?**

Peringatan Pelepasan Cukai ini akan dihantar ke alamat emel berdaftar anda yang berada di dalam rekod bank. Anda boleh menerima sehingga 2 komunikasi emel berkaitan “Peringatan Pelepasan Cukai” yang merangkumi transaksi Kad Debit dan Kad Kredit/-i anda yang layak secara berasingan.

- Adakah saya akan menerima rumusan yang berasingan jika saya memegang lebih dari satu Kad Debit CIMB atau Kad Kredit/-i CIMB?**

“Peringatan Pelepasan Cukai” akan memaparkan nombor kad yang berbeza (hanya 4 digit terakhir nombor kad anda akan dipaparkan) bergantung kepada kad yang digunakan untuk transaksi. Anda hanya akan menerima sehingga dua (2) rumusan pada bulan Februari/Mac yang dibahagikan antara transaksi kad debit dan kad kredit untuk rujukan anda.

- Adakah maklumat dalam “Peringatan Pelepasan Cukai” ini tepat?**

CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad telah membuat segala usaha yang wajar untuk memastikan bahawa maklumat tentang kelayakan pelepasan cukai adalah tepat dan terkini pada masa penerbitan. Rumusan transaksi ini bertujuan sebagai rujukan sahaja dan tidak boleh digunakan sebagai ganti invois atau resit rasmi dan berkemungkinan senarai kesemua transaksi pelepasan cukai yang layak adalah tidak lengkap. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselaras, sila rujuk kepada penyata bulanan anda. Anda dinasihatkan untuk memahami sepenuhnya garis panduan terkini untuk kelayakan pelepasan cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan mengemukakan hanya perkara yang layak. Sekiranya terdapat keraguan, sila dapatkan nasihat dari LHDN atau perunding cukai profesional.

- Adakah sebarang bayaran dikenakan ke akaun saya untuk “Peringatan Pelepasan Cukai” ini?**

Tidak, “Peringatan Pelepasan Cukai” ini adalah percuma, eksklusif untuk pelanggan kad debit dan kad kredit/-i CIMB.

- Adakah saya perlu mempunyai Aplikasi CIMB Clicks/CIMB OCTO ID yang aktif untuk menerima “Peringatan Pelepasan Cukai” ini dan adakah “Peringatan Pelepasan Cukai” ini tersedia di Aplikasi CIMB Clicks/CIMB OCTO?**

Tidak, anda tidak perlu mempunyai Aplikasi CIMB Clicks/CIMB OCTO ID yang aktif dan “Peringatan Pelepasan Cukai” ini tidak tersedia di Aplikasi CIMB Clicks/CIMB OCTO buat masa ini.



CIMB Bank Berhad
(197201001799 (13491-P))



CIMB Islamic Bank Berhad
(200401032872 (671380-H))

B. Soalan Lazim untuk Notifikasi Mata Bonus dan Pulangan Tunai

1. Bagaimana saya boleh menerima notifikasi semasa mengenai Mata Bonus atau Pulangan Tunai yang diperolehi dengan Kad Kredit/-i CIMB?

Anda tidak perlu mendaftar untuk notifikasi semasa ini. Anda akan menerima notifikasi semasa apabila anda melakukan transaksi pertama pada bulan tersebut dengan jumlah tertentu di bawah kategori yang terpilih (pembelian online, perbelanjaan runcit tanpa sentuh, tiket penerbangan, luar negara, petrol, barang runcit, pawagam, makanan) dengan Kad Kredit/-i CIMB e, Kad Kredit CIMB World Mastercard, Kad Kredit CIMB Travel Platinum, Kad Kredit CIMB Travel World, Kad Kredit Platinum Rebate Tunai CIMB dan Kad Kredit CIMB PETRONAS Visa Platinum-i.

Jenis Kad Kredit	Kategori	Jenis Transaksi Layak / Kod Kategori Peniaga "MCC" / Mod Kemasukan POS	Penerangan (jumlah yang disenaraikan dalam jadual adalah untuk 'setiap transaksi' sahaja)
Kad Kredit CIMB e	Pembelian Online, Perbelanjaan Runcit tanpa Sentuh	Mod Kemasukan POS 01, 07	<ul style="list-style-type: none"> i. Transaksi dengan jumlah perbelanjaan minimum RM10 - RM1,500
Kad Kredit CIMB World Mastercard	Tiket Penerbangan	3000 – 3350, 4511	<ul style="list-style-type: none"> i. Sebarang jumlah transaksi bagi MCC yang dinyatakan
Kad Kredit CIMB Travel Platinum	Tiket Penerbangan, Luar Negara	3000 – 3350, 4511	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiket Penerbangan dengan jumlah perbelanjaan minimum RM50 - RM19,999 ii. Luar Negara dengan jumlah perbelanjaan minimum RM50 - RM9,999
Kad Kredit CIMB Travel World	Tiket Penerbangan, Luar Negara	3000 – 3350, 4511	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiket Penerbangan dengan jumlah perbelanjaan minimum RM50 - RM12,499 ii. Luar Negara dengan jumlah perbelanjaan minimum RM50 - RM6,249
Kad Kredit Platinum Rebate Tunai CIMB	Pawagam, Petrol, Barang Runcit	7832, 5541, 5542, 6540, 5411, 5422, 5451	<ul style="list-style-type: none"> i. Transaksi dengan jumlah perbelanjaan minimum RM100 - RM599 ii. MCC (6540) hanya terpakai untuk transaksi Setel
Kad Kredit CIMB PETRONAS Visa Platinum-i	PETRONAS dan Setel, Barang Runcit, Makanan	5541, 5542, 6540, 5411, 5422, 5451, 5811, 5812, 5813, 5814, 5921	<ul style="list-style-type: none"> i. PETRONAS dengan jumlah perbelanjaan minimum RM50 - RM624 ii. Barang Runcit, Makanan dengan jumlah perbelanjaan minimum RM100 - RM2,499 iii. MCC (5541/5542) hanya terpakai untuk penerangan pembayaran di bawah: Petronas, PDB, PSS. iv. MCC (6540) hanya terpakai untuk transaksi Setel